

29/11/1999

Aishah yakin pengundi tidak ikut emosi

KUALA LUMPUR, Ahad - Tokoh veteran, Tan Sri Aishah Ghani yakin pengundi tidak akan terpengaruh dengan mainan emosi pembangkang walaupun itu yang digunakan mereka menjelang hari mengundi, esok.

"Penceramah wanita pembangkang menjalankan kempen dari rumah ke rumah dengan menceritakan kezaliman kerajaan dan menunjukkan wajah Anwar bagi menarik simpati pengundi," katanya ketika diminta mengulas ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelang hari mengundi.

Semalam, Dr Mahathir mengingatkan pengundi supaya jangan terikut-ikut dengan mainan emosi pembangkang.

Katanya, ingatan Dr Mahathir bertepatan kerana pembangkang akan menggunakan pelbagai cara bagi meraih simpati selepas kehilangan sokongan daripada ahli parti.

Menurut Aishah, walaupun isu simpati digunakan pembangkang, tetapi pengundi bijak membuat pertimbangan.

Bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno itu berkata, adalah silap jika rakyat memberi sokongan kepada barisan alternatif kerana barisan itu sebenarnya gagal memberi alternatif yang lebih baik daripada BN.

(END)